

JPS guna SMS hantar amaran banjir

metro 12/6/06.

SUBANG JAYA: Jabatan Pengairan dan Saliran* (JPS) akan menghantar amaran awal kemungkinan banjir kepada penduduk di kawasan berisiko bencana itu, menerusi sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) amaran banjir atau SMSBanjir.

Ketua Pengarahnya, Datuk Keizrul Abdullah, berkata SMSBanjir direka bentuk berdasarkan analisis kejadian banjir lalu yang mempunyai kaitan antara corak taburan hujan dengan tindak balas kenaikan aras air sungai.

Menurutnya, perkhidmatan berkenaan sudah lama wujud tetapi ia digunakan secara teknikal untuk memaklumkan ama-

ran kepada pegawai kanan JPS dan pasukan penyelamat saja.

Katanya, perkhidmatan itu kemudian diubah suai supaya orang ramai juga menerima amaran yang sama.

"Sebagai permulaan, tiga kawasan di Shah Alam iaitu TTDI Jaya, Kampung Melayu Subang dan Kampung Kebun Bunga dijadikan projek perintis sebelum ia diluaskan ke kawasan lain di seluruh negara.

"SMSBanjir juga diperkenalkan berikutan aduan mangsa banjir yang tidak mendengar siren amaran yang berbunyi secara automatik pada jarak satu kilometer kerana diganggu hujan lebat," katanya pada si-



KEIZRUL...prihatin

dang media selepas melancarkan perkhidmatan itu di Dewan Kenanga, Kompleks Pejabat Daerah Petaling di sini, semalam.

Pada majlis sama, Keizrul berdialog dengan pen-

duduk Shah Alam yang kediaman mereka kerap dilanda banjir.

Turut hadir, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ramlan Othman.

Keizrul berkata, SMS itu yang dihantar tanpa caj akan berfungsi sebaik penduduk di kawasan berisiko banjir mendaftar nombor telefon bimbit mereka menerusi borang khas disediakan JPS.

Borang pendaftaran boleh didapati di laman web <http://h2o.water.gov.my>.

Sebarang pertanyaan lanjut, hubungi JPS Daerah Petaling menerusi talian 03-56387289 atau Bahagian Hidrologi dan Sumber Air JPS menerusi talian 03-42552605.